

21/10/1997

Pembela Hawa

Rosmin Darus

TEKAD mereka sama ... memaju dan meningkatkan taraf wanita miskin luar bandar di negara masing-masing.

Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing, pada 5 September 1995 menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSCAP) dengan matlamat membantu wanita miskin luar bandar keluar daripada belenggu kemiskinan.

Selama empat hari mulai Isnin minggu lalu, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersidang di Kuala Lumpur untuk mencari usaha ke arah itu.

Persidangan itu turut dihadiri lima lagi wanita pertama iaitu Usha Narayanan (India), Zohreh Khatami Sadeghi (Iran), Mairam Akaeva (Kyrgyzstan), Shurentsetseg Erenjavyn (Mongolia), Begum Kulsoom Nawaz Sharif (Pakistan) dan bekas wanita pertama Vietnam (Vo Thi Le).

Hasilnya dalam persidangan itu, mereka bersetuju supaya setiap negara menubuhkan Tabung Amanah Pusingan Persendirian berdasarkan kepada semangat, maruah dan kemampuan sendiri. Dana ini bertujuan membantu wanita miskin untuk mendapatkan bantuan.

Resolusi itu adalah syor Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan persidangan, supaya negara Asia Pasifik mengambil inisiatif mulai sekarang menggerakkan sumber kewangan dalaman sendiri tanpa terlalu bergantung kepada institusi antarabangsa untuk menghapuskan kemiskinan di negara masing-masing.

Walaupun tidak menetapkan tempoh penubuhan tabung itu di negara anggota, namun menurut Dr Siti Hasmah usaha perlu dilakukan kerana itulah langkah pertama ke arah sikap berdikari selain menjaga maruah negara anggota.

Turut hadir di persidangan itu ialah utusan khas wanita pertama iaitu Fu Zhou Hua (China), Dr Nina Kayupova (Kazakhstan), Raashida Yoosuf (Maldives), Lina Laigo (Filipina), Eseta Fusitua (Tonga) dan Prof DrAuatovna Rano Ubaidullaeva (Uzbekistan).

Wartawan Wanita, ROSMIN DARUS meninjau persidangan itu selain menemubual wanita pertama negara anggota mengenai komitmen dan aspirasi mereka dalam membangunkan wanita luar bandar di negara masing-masing.

(END)